



LAMPIRAN PENYATAAN PRODUK untuk Polisi Jaminan Lanjutan

NOTA PENTING: Sila baca Lampiran Penyataan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Jaminan Lanjutan ini. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma dan syarat-syarat amnya.

1. Apakah perincian produk ini?

Polisi ini memberikan perlindungan terhadap Kegagalan Mekanikal komponen atau peralatan kenderaan ketika tempoh jaminan lanjutan.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Polisi ini meliputi pembaikan atau gantian disebabkan oleh Kegagalan Mekanikal terhadap komponen atau alat-alat seperti yang ditentukan di dalam polisi.

3. Berapakah jumlah premium yang harus saya bayar?

Jumlah premium yang anda harus bayar mungkin berbeza-beza bergantung kepada pendedahan risiko, keperluan pengunderaitan kami dan juga model serta kapasiti enjin kenderaan anda.

Anggaran jumlah premium yang anda harus bayar ialah: RM _____

4. Apakah jumlah yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

i. Apa yang anda perlu bayar sebagai tambahan kepada premium

Cukai Perkhidmatan (jika ada) – 5% daripada premium *(bersesuaian kepada kenderaan yang diinsuranskan di bawah entiti perniagaan)

Duti Setem (RM10.00)

ii. Apakah yang termasuk di dalam premium

Komisen yang dibayar kepada pengantara (jika ada) – 25% daripada premium

5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang harus saya ketahui?

- Kepentingan membuat pendedahan – anda perlu mendedahkan kesemua fakta material seperti kemalangan-kemalangan sebelum ini dan pengubahsuaian yang dibuat kepada enjin kenderaan
- Keperluan Servis – kenderaan tersebut mestilah diselenggara oleh pusat servis yang dibenarkan Yang Diinsuranskan sejajar dengan jarak masa dan kilometer seperti yang disyorkan oleh pengeluar. Rekod servis mesti dicop dan ditandatangani oleh pusat servis tersebut dan disimpan di tempat yang selamat.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk terma dan syarat-syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak memberikan perlindungan terhadap kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh atau menyumbang kepada atau yang timbul berikutan daripada

- Sebarang alatan dan komponen yang tidak tersenarai sebagai bahagian-bahagian yang dilindungi
- Ketika kenderaan digunakan untuk perlumbaan, pertandingan, rally, acara sukan bermotor atau tujuan-tujuan yang mana ianya tidak berlesen
- Sebarang perubahan atau pengubahsuaian yang tidak diluluskan oleh Pengeluar
- Kerosakan yang disebabkan daripada kemalangan, kebakaran, atau mala petaka lain, muatan yang berlebihan daripada kadar berat kenderaan yang tertentu atau kerugian yang akan dilindungi di bawah Polisi Insurans Motor.
- Tidak dihantar servis sejajar dengan Keperluan Servis oleh pengeluar atau penggunaan berterusan kenderaan selepas kecacatan itu menjadi nyata
- Sedikit ketidakseragaman yang tidak dikenal pasti sebagai menjejaskan kualiti atau fungsi kenderaan atau alatannya seperti bunyi bising atau sedikit gegaran dan keceleaan yang timbul hanya di bawah kendalian tertentu atau luar biasa
- Prestasi kendalian yang semakin menurun disebabkan usia dan kilometer yang dilalui kenderaan, kerosakan akibat penggunaan biasa atau kemerosotan
- Kerosakan menyebabkan kegagalan mekanikal telah nyata sebelum tarikh luput waranti biasa pengeluar
- Tindakan menarik kembali oleh pengeluar

Sila rujuk contoh kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Polisi ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa mengikut permintaan Yang Diinsuranskan dan tiada bahagian Premium akan dikembalikan.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika berlaku perubahan kepada maklumat terperinci saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan kepada maklumat terperinci anda bagi memastikan yang kesemua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AmG Insurance Berhad

Tingkat 9, Bangunan AmAssurance,
No.1 Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia

Pusat Perkhidmatan Pelanggan

Tingkat Bawah, Bangunan AmAssurance
No.1 Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur.
Tel: 1 300 80 3030 Faks: (603) 21713030
E-Mel: amassurance-general@ambankgroup.com
Laman web: <https://www.amassurance.com.my>

10. Apakah jenis perlindungan lain yang boleh didapati?

Insurans Motor

NOTA PENTING:

ANDA HARUS BERPUAS HATI YANG POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA SEBAIK MUNGKIN. ANDA SEPATUTNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.